

KERAJAAN MALAYSIA

LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 6 TAHUN 2009**

SYARAT KHAS PADA LESEN PEMBAWA 'A' BAGI LORI LOW LOADER

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMPENA JUNG MALAYSIA**

TARIKH: 28 MEI 2009

PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN BIL.6 TAHUN 2009

Semua LPKP Wilayah, Semenanjung Malaysia
LPKP Sabah
LPKP Sarawak

SYARAT KHAS PADA LESEN PEMBAWA ‘A’ BAGI LORI *LOW LOADER*

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan syarat khas yang perlu dinyatakan pada lesen Pembawa ‘A’ bagi kenderaan **Lori Low Loader**.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Jabatan Pengangkutan Jalan memaklumkan akan tindakan yang akan diambil ke atas kesalahan menggunakan kenderaan barang untuk membawa barang-barang yang tidak sesuai sepetimana yang diperuntukkan dalam Kaedah 93, Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959.

3. Arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan menyatakan kenderaan jenis *Low Loader* yang dilesenkan di bawah kelas lesen Pembawa ‘A’ hanya sesuai membawa barang-barang seperti jentera dan barang-barang yang tidak boleh dipecah bahagi sahaja sebaliknya barang-barang yang tidak sesuai seperti simen, kayu gergaji dan lain-lain barang yang boleh dipecah bahagi adalah tidak dibenarkan.

4. Manakala mana-mana kenderaan barang jenis *Low Loader* yang membawa gelung besi hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan sebagaimana yang

diperuntukkan di bawah kaedah 138 (1) Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959.

5. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil. 13 Tahun 2009 bertarikh 22 Mei 2009 telah memutuskan supaya lori *Low Loader* tidak dibenarkan membawa barang-barang yang tidak sesuai seperti simen, kayu gergaji dan lain-lain barang yang boleh dipecah bagi kecuali mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan dan perkara ini hendaklah dinyatakan pada syarat khas di lesen LPKP.

PEMAKAIAN


6. Semua pejabat LPKP Wilayah, Sabah dan Sarawak dikehendaki menyatakan dalam **syarat khas pada lesen** bahawa **kenderaan lori Low Loader dibenarkan membawa mesin, jentera berat dan lain-lain barang yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sahaja.**

7. Peraturan ini tidak termasuk kenderaan selain dari lori *Low Loader* bagi kelas lesen Pembawa 'A' dan Pembawa 'C'.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)
Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan
Semenanjung Malaysia

28 MEI 2009